Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Bakal2 pemimpin Umno lengkap diri di London

Dari
SAAD HASHIM
LONDON

WAKTU menerima sijil dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, wajah para peserta kelihatan berseri-seri, dan keyakinan terbayang bahawa masing-masing merasa mereka sekarang lebih lengkap dengan latarbelakang serta cabaran masa depan untuk Umno.

Kira-kira 50 orang pemimpin dan ahli Umno dari seluruh United Kingdom itu adalah peserta-peserta satu kursus kepemimpinan dan politik anjuran Umno cawangan London, baru-baru ini.

Menurut Ketua Umno London, Encik Anwar Haji Musa, kursus itu bertujuan melengkapkan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Umno dengan pengetahuan secara mendalam agar mereka dapat menangkis segala kecaman atau bersemuka dengan golongan-golongan yang anti-Kerajaan atau anti-Umno.

Dan bagi Datuk Abdullah, orang-orang Umno di U.K. perlu bersikap progresif. Umpamanya, mereka tidak boleh berhimpun dalam Umno sendiri. Oleh kerana orang Umno sendiri merupakan golongan pelajar, maka mereka perlu masuk persatuan-persatuan pelajar lain dalam usaha mengembangkan perjuangan Umno.

Untuk menjayakan kursus itu, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menugaskan Datuk Abdullah mengemudikan projek Umno London itu.

Beliau dibantu oleh pensyarah Universiti Kebangsaan Prof. Madya Dr Yusof Noor.

Kursus bermula dengan ucapan pembukaan oleh Datuk Abdullah dan seterusnya beliau berceramah mengenai Umno dan dasar-dasar perjuangannya, manakala Dr Yusof membincangkan soal yang amat penting dalam politik orang Melayu di Malaysia sekarang iaitu perjuangan Umno dalam konteks nasionalisme dan Islam.

Selepas ceramah oleh Datuk Abdullah dan Dr Yusof, para peserta dibahagi-bahagikan kepada empat bengkel untuk meneliti kedua-kedua soal tersebut dan dua perkara lagi iaitu Kepemimpinan dalam Umno dan Umno dalam Barisan Nasional.

Kursus diakhiri dengan jamuan makan malam serta majlis menyampaikan sijil-sijil penyertaan. Turut serta di majlis penutup ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom, Encik Kassim Hussein.

Ketua Penerangan Umno London, Encik Rais Zainuddin memberitahu, satu laporan akan digubal hasil kursus itu untuk dihantar ke Ibu Pejabat Umno.

Beberapa peserta yang ditemui berkata, sedikit sebanyak mereka mendapat beberapa pengetahuan baru mengenai perjuangan Umno serta arah perjuangannya di masa depan.

"Saya kira soal nasionalisme dan Islam adalah satu hal yang amat rumit bila dibangkitkan oleh golongan-golongan yang anti-Umno. Tetapi dengan kursus ini, saya dapat faham lebih mendalam lagi," kata seorang peserta.

Dalam ucapannya, Datuk Abdullah berharap setiap pelajar yang menyertai perjuangan Umno menunjukkan contoh teladan yang boleh diikuti dan dihormati oleh kawan-kawan.

"Mesej yang akan saudara sampaikan adalah bergantung kepada kewibawaan saudara sebagai seorang pemimpin. Saudara mestilah menunjukkan nilai-nilai kepmimpinan yang murni yang boleh dicontohi".

"Dengan watak itu maka barulah saudara akan diberi perhatian dan apa yang saudara cakap akan didengar oleh rakan-rakan."

Dalam ucapannya pula, Encik Anwar berkata, walaupun Kelab Umno di United Kingdom adalah satu pertubuhan yang berbau politik, ia adalah umumnya satu pertubuhan pelajar.

Dalam hal ini, pertubuhan-pertubuhan pelajar lain sendiri tidak dapat lari dari berbau politik.

Kata beliau, pelajar-pelajar yang kin kepada perjuangan Umno tidak semestya takut-takut berdepan dengan pihak-pihak n kerana dengan Umnolah taraf hidup orang Melayu dapat ditinggikan dan dengan itu syiar Islam sendiri ditingkatkan.

Tunjuk perasaan

Satu perkara menarik ialah sepang kursus politik Umno itu diadakan, tidak lihatan pula tunjuk-tunjuk perasaan mengut Umno yang selalunya diadakan oleh golonga pelajar Islam radikal.

Beberapa bulan lalu, golongan itu rpaksa berdiri di dalam hujan di Univer i Birmingham, apabila Umno U.K. men akan Malam Jamuan Makan Malam serta Malam Kebudayaan sempena Hari Merdeka.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datu Khalil Yaacob menghadiri majlis tersebut.

Tidak lama kemudian, golongan ra al itu muncul semula di Dewan Malaysia me cam